

## Aplikasi Teknik Kumpulan Nominal Ubahsuai terhadap Penilaian Kebolehgunaan Model Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen di Malaysia Menurut Perspektif Islam

Application of the Modified Nominal Group Technique to the Applicability Assessment of the Identity Development Model of Delinquent Adolescents in Malaysia According to the Islamic Perspective

MARIAM ABD MAJID<sup>1\*</sup>, AISYAH HUMAIRAK ABDUL RAHMAN<sup>1</sup>, ABUR HAMDI USMAN<sup>1</sup>, ZAINAB ISMAIL<sup>2</sup>  
& IMAN ABDUL RAHMAN MAHMUD ABU SYARIAH<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000 Bandar Seri Putra, Kajang, Selangor, Malaysia.

<sup>2</sup>Akademi dan Jaminan Kualiti, Kolej Dar al-Hikmah, 43000 Kajang, Selangor.

<sup>3</sup>Jabatan Pengajian Islam, Kolej Sastera dan Sains, Methnab, Universiti Qassim, P.O. Box 931, Buraidah 51931, Arab Saudi.

\*Corresponding Author; email: mariam@kuis.edu.my

Received: 12/7/2023 / Revised: 2 Jan 2024 / Accepted: 8 Jan 2024 /

Publish: 1 June 2024

### ABSTRAK

*Penilaian adalah peringkat penting dalam penghasilan produk menerusi pendekatan penyelidikan reka bentuk dan pembangunan. Artikel ini mengemukakan penilaian terhadap kebolehgunaan model pembangunan jati diri remaja delinkuen di Malaysia menurut perspektif Islam yang dibangunkan. Fasa penilaian ini dilaksanakan menerusi aplikasi teknik kumpulan nominal ubahsuai berdasarkan persepsi pengguna (end user) model. Seramai enam orang pengguna dalam kalangan pengusaha, pengetua dan tenaga pengajar yang berpengalaman mengurus, membentuk, membangun dan memulihkan jati diri remaja di pusat-pusat pemulihan akhlak dipilih sebagai peserta. Peserta dikumpulkan dalam bengkel dan diberikan borang soal selidik yang menggunakan skala likert dalam penilaian kebolehgunaan model. Nilai skor pada skala ditukarkan dalam bentuk peratusan yang menentukan tahap kebolehgunaan. Hasil kajian mendapat kesemua empat (4) komponen utama bagi model pembangunan jati diri remaja delinkuen di Malaysia menurut perspektif Islam iaitu set induksi, pembangunan spiritual, pembangunan fizikal dan program susulan mendapat persetujuan kumpulan pengguna dengan nilai peratusan melebihi 70 peratus. Model yang dibangunkan sesuai digunakan sebagai panduan kepada pihak-pihak berkepentingan untuk membangun jati diri remaja delinkuen di Malaysia.*

*Kata kunci:* Teknik kumpulan nominal ubahsuai; penilaian; kebolehgunaan; pembangunan; jati diri; remaja delinkuen; Malaysia; Islam

### ABSTRACT

*Evaluation is a crucial stage in the manufacture of products using design and development research approaches. In this article, the applicability of the identity development model for delinquent adolescents in Malaysia was assessed from an Islamic perspective. This evaluation stage was conducted by applying the modified nominal group technique based on users' (end users) perceptions of the model. A total of six users were selected as participants, including entrepreneurs, principals, and instructors with experience in managing, shaping, developing, and restoring the identity of adolescents in moral rehabilitation centers. Participants were grouped into workshops and given questionnaires using the likert scale to assess the usability of the model. The score on the scale was converted into a percentage that determined the degree of usability. The results of the study revealed that all four key components of the self-development model for delinquent adolescents in Malaysia according to the Islamic perspective (induction set, spiritual development, physical*

*(development, and follow-up programs) were endorsed by the consumer group with a percentage value of more than 70 percent. The developed model is suitable as a guide for stakeholders to develop the identity of delinquent adolescents in Malaysia.*

**Keywords:** Modified nominal group technique; evaluation; applicability; development; identity; delinquent adolescents; Malaysia; Islam

## PENGENALAN

Golongan remaja hari ini adalah generasi pelapis yang bakal menerajui kepimpinan negara pada masa hadapan (Dahamat Azam, Mansor & Yaacob 2012). Generasi remaja ini perlu mempunyai pelbagai persiapan dan kekuatan diri untuk keperluan menggalas tanggungjawab serta peranan sebagai pemimpin barisan hadapan dalam masyarakat dan negara. Kekuatan dan kelemahan sesuatu bangsa pada masa hadapan bergantung kepada kewibawaan golongan muda sebagai tonggak dan pewaris kesinambungan pembangunan dan kesejahteraan negara (Yahya & Nasrun 2016). Imam Hassan Al-Banna turut berpandangan, kemajuan sesebuah negara pada akan datang dilihat melalui remaja masa kini kerana mereka adalah penyambung kepimpinan masa hadapan (Yahya, S. A. & Nasrun, S. 2016). Golongan muda yang cemerlang dalam pelbagai aspek antaranya akademik, kemahiran, sahsiah dan jati diri diperlukan untuk menyumbang secara positif kepada kecemerlangan dan pengukuhan ekonomi serta masa depan negara (Ibrahim, F. 2009).

Namun, apa yang menjadi kegusaran semua pihak ialah penyakit sosial yang banyak berlaku kebelakangan ini ekoran tingkah laku delinkuen remaja (*juvenile delinquency*) (Syahadat 2019). Antara kes-kes delinkuen melibatkan remaja yang berlaku dalam masyarakat hari ini ialah perzinaan, pembuangan bayi, khalwat, rogol dan penyalahgunaan dadah (Mat Daud, Yussuf & Abdul Kadir 2020). Delinkuen merupakan tingkah laku melanggar norma-norma masyarakat yang dilakukan oleh golongan individu mengikut had umur remaja atau belia (Rathakrishnan, 2011). Remaja dikategorikan sebagai delinkuen secara umumnya iaitu individu yang masih bersekolah dan melanggar norma-norma masyarakat (Sharif & Mohamad Roslan 2011). Individu yang melanggar norma-norma ini di sekolah dikenali sebagai pelajar bermasalah disiplin (Zainal 2014).

Zaman remaja merupakan fasa kritikal dalam kehidupan yang mengalami peralihan daripada alam kanak-kanak kepada alam dewasa (Munjiat 2018; Célia Barreto Carvalho et al. 2023). Peringkat usia remaja bermula dari usia 13 hingga

21 tahun (Andrianto & Alimron 2019). Remaja cenderung untuk mencuba sesuatu perkara baru berdasarkan daripada apa yang mereka lihat atau dengar. Hakikatnya, usia remaja adalah peringkat perkembangan yang baik untuk mengekspresikan diri ataupun mencari jati diri sendiri (Rahmawati & Roesminingsih 2021).


Statistik menunjukkan kaum dan remaja Melayu Islam adalah golongan yang paling ramai terlibat dalam kes-kes salah laku sosial ini. (Hashim, C. N. 2011). Rekod statistik kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah mengikut jenis kesalahan, kumpulan umur 16 tahun hingga 17 tahun dan jantina pada tahun 2016 adalah seramai 3,426 lelaki manakala 225 perempuan. Data ini menjadi indikator bahawa isu permasalahan sosial dalam masyarakat semakin meruncing terutama kes yang melibatkan golongan remaja (Kamaluddin, Selamat & Othman 2021).

Jati diri yang mantap berupaya membentengi golongan remaja dari terjebak dalam cabaran gejala sosial. Menurut Sulaiman, Noh dan Jamsari (2020) jati diri atau *self-identity* adalah memiliki sifat dan ciri tersendiri yang mendasari dan membentuk identiti sesebuah bangsa dari aspek adat, tradisi, bahasa, budaya dan agama. Ia menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu dalam sesebuah bangsa. Jati diri ini perlu dilihat dari seluruh aspek manusia meliputi rohani, jasmani, emosi dan intelektual (Mat Tuah, Stapa & Munawar 2012). Menurut Khairul Hamimah & Nurul Husna (2019) aspek penting dalam membangunkan jati diri, sahsiah dan akhlak golongan remaja delinkuen terutama mereka yang ditempatkan di pusat-pusat pemulihan akhlak adalah dengan memberikan tumpuan terhadap aspek akidah, aspek ibadah dan aspek akhlak kerana ketiga-tiga aspek ini mempunyai kekuatannya yang tersendiri dalam memastikan remaja menjauhi perbuatan tidak baik dan hanya menumpukan kepada proses pemulihan. Nilai-nilai Islam dan kepercayaan perlu diterapkan pada diri remaja dalam proses pembentukan dan pembangunan jati diri ketika di pusat pemulihan akhlak antaranya ialah nilai amanah, kerjasama, tekun, bertanggungjawab, bersih dan disiplin menjadi keutamaan agar dapat membentuk peribadi pelatih yang komited ke arah pemberian

diri, bersungguh-sungguh, rajin dan mempunyai matlamat yang jelas apabila dibebaskan kelak. (Azhar et al. 2019). Peranan ibu bapa menjadi antara faktor penting menyumbang dalam pembangunan jati diri remaja (Suzanne R. C. de Jong et al. 2022; Melanie J. Zimmer et al. 2023).

Model yang dibangunkan ini adalah hasil daripada dapatan yang telah dijalankan bermula daripada fasa mengenalpasti keperluan diikuti

seterusnya mereka bentuk dan membangunkan model. Bagi memastikan model pembangunan jati diri remaja delinkuen sesuai dan relevan untuk diaplikasi, maka kajian penilaian kebolehgunaan terhadap model tersebut dijalankan. Kerangka konseptual pelaksanaan kajian pembinaan model ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam gambar Rajah 1.



## OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kebolehgunaan ialah pengukuran bagi menentukan keupayaan sesuatu produk berfungsi berdasarkan objektif pembangunannya (Z. Mack & S. Sharples, 2009). Artikel bertujuan mengemukakan penilaian kebolehgunaan Model Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen di Malaysia Menurut Perspektif Islam yang telah dibangunkan. Dua persoalan menjadi fokus dalam penilaian kebolehgunaan model iaitu:

1. Apakah penilaian para pengusaha, pengetua dan tenaga pengajar terhadap tahap kebolehgunaan komponen utama model pembangunan jati diri remaja delinkuen di Malaysua menurut perspektif Islam?
2. Apakah penilaian para pengusaha, pengetua dan tenaga pengajar terhadap tahap kebolehgunaan keseluruhan model pembangunan jati diri remaja delinkuen di Malaysia menurut perspektif Islam?

## METODOLOGI

Kebolehgunaan membawa maksud keupayaan produk yang dihasilkan atau sesbuah produk yang dibangunkan. Penilaian kebolehgunaan produk yang dibangunkan dilakukan oleh kumpulan pengguna produk (Z. Mack & S. Sharples, 2009). Penilaian kebolehgunaan boleh dilihat dari aspek kecekapan, kepuasan dan keberkesaan produk (Millano & Ullius, 1998). Penilaian kebolehgunaan bagi model ini dilaksanakan menggunakan teknik kumpulan nominal ubahsuai (*modified nominal group technique*) iaitu dilaksanakan secara kuantitatif keseluruhannya (Dobbie, Rhodes, Tysinger & Freeman, 2004). Teknik kumpulan nominal dipilih kerana sesuai dengan keperluan penilaian, berkesan dalam mendapatkan pandangan atau persepsi individu yang lebih spesifik berkaitan topik dan menjimatkan masa (Williams et al. 2006). Teknik kumpulan nominal ubahsuai merupakan

teknik membuat keputusan dalam perbincangan kumpulan kecil secara bersemuka (Aizzat, Intan & Zainal 2006). Fokus penilaian ialah kebolehgunaan komponen utama dan keseluruhan model pembangunan jati diri remaja delinkuen di Malaysia menurut perspektif Islam. Peserta NGT bagi kajian ini adalah pengguna (*end user*) model dalam kalangan pengusaha, pengetua dan tenaga pengajar yang berpengalaman mengurus, membentuk, membangun dan memulihkan jati diri remaja di pusat-pusat pemulihan akhlak.

Fasa penilaian kebolehgunaan penting bertujuan menentukan model yang dibentuk dan dibangunkan sesuai digunakan untuk mencapai objektif pembinaan model (Millano & Ullius, 1998) Penilaian kebolehgunaan model merujuk kepada pengukuran keupayaan sesuatu produk yang dihasilkan menerusi penilaian oleh pengguna produk itu sendiri (Mohd Riduan & Nurulrabiahah, 2020).

Pengkaji mendapatkan hasil penilaian kebolehgunaan model pembangunan jati diri

remaja delinkuen menggunakan set soal selidik yang diedarkan kepada peserta. Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu demografi responden (Bahagian A), penilaian kebolehgunaan komponen utama model (Bahagian B) dan penilaian kebolehgunaan keseluruhan model pembangunan jati diri remaja delinkuen (Bahagian C). Komponen dan item yang terdapat dalam soal selidik dibentangkan dan diperjelaskan kepada peserta semasa pelaksanaan bengkel penilaian kebolehgunaan model bagi memudahkan peserta membuat penilaian. Menurut Dobbie et al. (2004) dan Deslandes et. al (2010), penggunaan teknik NGT sesuatu elemen yang dinilai diterima sekiranya nilai peratus skor yang diberikan daripada peserta kajian adalah 70 peratus atau lebih. Seramai enam orang peserta dipilih menyertai sesi penilaian kebolehgunaan model pembangunan jati diri remaja delinkuen di Malaysia menurut perspektif Islam. Jadual 1 memaparkan demografi peserta yang terlibat dalam penilaian kebolehgunaan model.

JADUAL 1. Demografi Peserta Kajian Penilaian Kebolehgunaan (NGT)

Item	Perincian	Kekerapan	Peratusan (%)
Pekerjaan	Guru separuh masa di pusat pemulihan akhlak Ar-Riqab-MAIS	1	16.7%
	Guru dan warden di pusat pemulihan akhlak Tarbiyyatul A'la Care Centre	1	16.7%
	Pengurus pusat pemulihan akhlak JKM	1	16.7%
Institusi	Pengasas pusat pemulihan akhlak Ar-Riqab-MAIS	1	16.7%
	Pengurus Pusat Perlindungan Wanita Ar-Riqab-MAIS	1	16.7%
	Pengasas Tarbiyyatul A'la Care Centre	1	16.7%
	Kurang 5 Tahun	2	33.3%
Tempoh Penglibatan dalam Program Pemulihan Akhlak Remaja	6 hingga 10 Tahun	0	0%
	11 hingga 15 tahun	3	50.0%
	Lebih 16 tahun	1	16.7%
	Jumlah	N=6	100.00

Berdasarkan Jadual 1, terdapat tiga item pada bahagian demografi iaitu pekerjaan, institusi dan tempoh penglibatan dalam program pemulihan akhlak remaja. Peserta kajian terdiri daripada dua orang pengurus pusat pemulihan akhlak, dua orang pengasas pusat pemulihan akhlak, seorang guru separuh masa di pusat pemulihan akhlak dan seorang guru merangkap warden di pusat pemulihan akhlak.

Institusi pemulihan akhlak yang terlibat bagi enam orang peserta kajian meliputi beberapa kategori yang berbeza antaranya Pusat Pemulihan Akhlak Ar Riqab MAIS, Pusat Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pusat Perlindungan Wanita Ar Riqab MAIS dan Tarbiyyatul A'la Care Centre.

Item seterusnya adalah berkaitan tempoh penglibatan dalam program pemulihan akhlak remaja. Tempoh peserta kajian terlibat dalam program pemulihan akhlak remaja adalah selama 11 hingga 15 tahun, diikuti dua orang peserta yang mempunyai pengalaman kurang 5 tahun dan seorang peserta yang mempunyai pengalaman melebihi 16 tahun.

### DAPATAN

Perbincangan dapanan kajian ini memberi fokus kepada penilaian kebolehgunaan komponen utama dan kebolehgunaan keseluruhan model pembangunan jati diri remaja delinkuen menurut perspektif Islam. Penilaian kebolehgunaan komponen utama model dinilai berdasarkan nilai peratusan skor pandangan peserta kajian (kumpulan pengguna) melalui edaran borang soal selidik yang mengandungi item-item berkaitan model. Tahap

penilaian terhadap kebolehgunaan diperolehi berdasarkan nilai peratusan skor yang diberikan oleh kumpulan pengguna menerusi soal selidik. Syarat peratusan skor item yang diterima mestilah melebihi 70 peratus (Deslandes, Mendes, Pires & Campos, 2010). Menurut Dobbie et al. (2004) dan Deslandes et al. (2010), sesuatu elemen yang dinilai dengan teknik NGT diterima sekiranya nilai peratus skor yang diberikan oleh peserta kajian minimum 70 peratus.

### PENILAIAN KEBOLEHGUNAAN KOMPONEN UTAMA MODEL PEMBANGUNAN JATI DIRI REMAJA DELINKUEN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Hasil penilaian kebolehgunaan komponen utama model pembangunan jati diri remaja delinkuen seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Penilaian Kebolehgunaan Komponen Utama dalam Model Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen Menurut Perspektif Islam

Item	Jumlah Skor	(%)	Status Penilaian
Set Induksi	34	81.0	Sesuai
Pembangunan Spiritual	37	88.1	Sesuai
Pembangunan Fizikal	36	85.7	Sesuai
Program Susulan	36	85.7	Sesuai

\* Peratusan kebolehgunaan  $\geq 70.0\%$  (Dobbie et al. 2004)

Jadual 2 di atas mengemukakan empat komponen utama model telah dinilai dari aspek kebolehgunaannya. Hasil penilaian menunjukkan kumpulan pengguna bersetuju bahawa empat komponen utama model tersebut adalah sesuai dengan kesemua nilai skor diberikan melebihi 70 peratus

Penilaian kebolehgunaan turut menunjukkan peserta bersetuju bahawa item pembangunan spiritual diberi nilai peratus skor komponen utama yang paling tinggi berbanding item-item komponen utama yang lain. Dapatkan ini menunjukkan penekanan peserta terhadap keutamaan komponen pembangunan spiritual perlu diberi keutamaan

dalam usaha pembangunan jati diri remaja delinkuen berbanding komponen-komponen yang lain.

### PENILAIAN KEBOLEHGUNAAN KESELURUHAN MODEL PEMBANGUNAN JATI DIRI REMAJA DELINKUEN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Penilaian kebolehgunaan terhadap keseluruhan Model Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen di Malaysia Menurut Perspektif Islam berdasarkan pandangan peserta kajian juga diperolehi melalui jawapan soal selidik yang diberikan kepada peserta dalam bengkel NGT yang diadakan. Jadual 3 menunjukkan, maklumat hasil penilaian peserta kajian terhadap keseluruhan model.

JADUAL 3. Penilaian Kebolehgunaan Keseluruhan Model Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen Menurut Perspektif Islam

Item	Jumlah Skor	(%)	Status Penilaian
Model ini praktikal digunakan oleh pihak kerajaan, institusi pemulihan, masyarakat awam dan ibu bapa dalam membangun jati diri remaja delinkuen.	36	85.7	Sesuai
Model ini berupaya menjadi panduan kepada pihak kerajaan, institusi pemulihan, masyarakat awam dan ibu bapa dalam membangun jati diri remaja delinkuen.	36	85.7	Sesuai
Model ini menunjukkan secara jelas kepada pihak kerajaan, institusi pemulihan, masyarakat awam dan ibu bapa tentang program induksi mengikut keutamaan.	36	85.7	Sesuai
Model ini menunjukkan secara jelas kepada pihak kerajaan, institusi pemulihan, masyarakat awam dan ibu bapa tentang pembangunan akal mengikut keutamaan.	36	85.7	Sesuai
Model ini menunjukkan secara jelas kepada pihak kerajaan, institusi pemulihan, masyarakat awam dan ibu bapa tentang pembangunan hati dan jiwa mengikut keutamaan.	36	85.7	Sesuai
Model ini menunjukkan secara jelas kepada pihak kerajaan, institusi pemulihan, masyarakat awam dan ibu bapa tentang pembangunan ruh (istiqamah amalan pembangunan hati dan jiwa) mengikut keutamaan.	42	100.0	Sesuai
Model ini menunjukkan secara jelas kepada pihak kerajaan, institusi pemulihan, masyarakat awam dan ibu bapa tentang pembangunan emosi mengikut keutamaan	36	85.7	Sesuai
Model ini menunjukkan secara jelas kepada pihak kerajaan, institusi pemulihan, masyarakat awam dan ibu bapa tentang pembangunan jasad mengikut keutamaan	36	85.7	Sesuai
Model ini menunjukkan secara jelas kepada pihak kerajaan, institusi pemulihan, masyarakat awam dan ibu bapa tentang pembangunan sosial mengikut keutamaan	36	85.7	Sesuai
Model ini menunjukkan secara jelas kepada pihak kerajaan, institusi pemulihan, masyarakat awam dan ibu bapa tentang program susulan mengikut keutamaan	38	90.5	Sesuai

\* Peratusan kebolehgunaan  $\geq 70.0\%$  (Dobbie et al. 2004)

Jadual 3 di atas mengemukakan dapatan skor penilaian peserta terhadap keseluruhan model pembangunan jati diri remaja delinkuen menurut perspektif Islam adalah melebihi 70 peratus. Ini menunjukkan elemen keseluruhan model yang dinilai berada pada status sesuai untuk digunakan.

Dapatkan penilaian terhadap keseluruhan model mendapati item “Model ini menunjukkan pembangunan ruh (istiqamah amalan pembangunan hati dan jiwa) mengikut keutamaan” mendapat nilai peratus skor tertinggi iaitu 100 peratus. Dapatkan penilaian ini menunjukkan aspek pembangunan ruh mesti diberi keutamaan dalam usaha membentuk, memulih dan membangun jati diri remaja delinkuen menurut perspektif Islam. Aspek pembangunan ruh berperanan besar dalam pembangunan jati diri seseorang insan (Khairul Hamimah & Nurul Husna 2019; Shahril Nizam et al. 2023).

## PERBINCANGAN

Penilaian kebolehgunaan dan kesesuaian komponen utama dan keseluruhan model pembangunan jati diri remaja delinkuen menurut perspektif Islam ini dinilai menerusi teknik kumpulan nominal ubah suai (*modified nominal group technique*). Penilaian model menggunakan ini teknik ini diaplikasi selari dengan kajian Mohd Ridhuan (2016) bagi penilaian kebolehgunaan model kurikulum latihan SkiVes. Teknik ini turut dilaksanakan dalam kajian Norfarahi Zulkifli (2023) dalam penilaian model pengajaran kreatif pensyarah pendidikan Islam politeknik.

Seramai enam orang peserta NGT dalam kalangan kumpulan pengguna. Pemilihan bilangan seramai enam orang peserta NGT ini adalah mencukupi. Bilangan peserta yang sama turut dilaksanakan dalam kajian Shah Rizul Izzyan (2021) dalam penilaian model pengajaran al-Quran untuk warga tua.

Kesemua peserta bersetuju terhadap semua komponen utama bagi model pembangunan jati diri remaja delinkuen menurut perspektif Islam ini iaitu set induksi, pembangunan spiritual, pembangunan fizikal dan program susulan. Peratus penilaian peserta terhadap kesemua komponen utama model yang diberikan adalah melebihi 70 peratus. Nilai skor ini menunjukkan keseluruhan item pada model adalah pada status sesuai.

Hasil penilaian kebolehgunaan komponen utama model ini mendapati aspek pembangunan spiritual diletakkan sebagai nilai skor komponen tertinggi. Dapatkan ini menunjukkan keutamaan aspek pembangunan spiritual dalam pembangunan jati diri remaja delinkuen menurut perspektif Islam. Selain itu, fokus terhadap aspek pembangunan spiritual ini mesti diberi perhatian oleh semua pihak yang terlibat dalam usaha pembangunan akhlak khususnya golongan remaja kerana ianya berupaya menyumbang impak dan mempengaruhi keberkesanan proses pelaksanaan pembangunan jati diri remaja delinkuen. Menurut Paad et al. (2021), pembangunan spiritual atau rohani merupakan tunggak kepada kesejahteraan fizikal, emosi, intelek dan sosial pada diri remaja. Dapatkan ini turut sejajar dengan kajian Sudi, Md Sham dan Yama (2018) yang menyatakan bahawa terdapat beberapa kajian cuba menghubungkan antara gejala keruntuhan akhlak dan moral ini dengan kelemahan aspek spiritual seseorang. Pembangunan aspek spiritual itu sangat penting kepada setiap muslim. Al-Quran menjelaskan bahawa pembangunan, perkembangan dan jatuhan bangunnya individu dan masyarakat tertakluk kepada pembangunan aspek hati dan spiritual mereka. Perubahan dalam diri haruslah bermula dari pembangunan hati dan spiritualnya. Spiritual adalah titik pertama yang perlu disentuh untuk pembangunan akhlak. Selaras dengan dapatkan kajian ini bahawa aspek pembangunan spiritual sebagai adalah komponen utama tertinggi dalam pembangunan jati diri remaja yang terjebak dengan salah laku delinkuen. Dapatkan ini selari dengan dapatkan kajian Mansor, Mohammad Jodi, Abdul Kadir dan Abdullah (2016) serta dapatkan kajian Zuraimy et. al (2023) yang mengemukakan bahawa ibadah merupakan mekanisme penting yang perlu dititikberatkan dalam pembangunan fizikal, mental dan kerohanian kerana pelaksanaan ibadah mampu membina peribadi seseorang dari sudut kejiwaan

dan perasaan agar sentiasa merasa tenang dan cinta kepada kebenaran hakiki. Secara tidak langsung, ini akan membantu remaja mencapai kepuasan dalam bidang kebendaan sebagai alat untuk kesempurnaan hidup.

Seterusnya, aspek pembangunan fizikal turut penting dalam membantu golongan remaja mencapai kesejahteraan dan kemakmuran hidup. Aspek fizikal ini termasuklah dengan menjaga tubuh badan serta mengambil makanan yang sihat agar dapat membantu remaja untuk melaksanakan ibadah dengan baik dan tenang. Dapatkan ini sejajar dengan kajian Gaohui Zhu et al. (2023) bahawa aktiviti fizikal dapat meningkatkan fungsi kognitif pada kanak-kanak dan remaja. Kajian Premalatha Thiagarajan dan kajian Zamm Turki Hashem et al. (2023) mengemukakan bahawa aktiviti sukan memberi impak positif dan menjadi penentu emosi. Mohammad Khairi Mokthar (2022) mendapati aktiviti fizikal tarian turut menyumbang peningkatan kesihatan dan kesejahteraan.

Program susulan merupakan antara komponen utama yang dipersetujui oleh pengguna sesuai bagi model. Aspek program susulan ataupun *follow up* penting untuk memastikan kesinambungan usaha pembangunan jati diri remaja yang dibangunkan ketika berada di pusat pemulihan dapat dikekalkan secara berterusan. Hal ini sejajar dengan kajian Paad et al. (2021) yang menjelaskan bahawa selepas remaja menerima suntikan motivasi dalam proses pembangunan diri, mereka perlu menjalani intervensi susulan pada fasa pelaksanaan bertujuan memastikan pembentukan motivasi betul-betul stabil agar matlamat pembangunan diri mereka dapat direalisasikan. Tindakan susulan boleh dilaksanakan menerusi sesi proses kaunseling. Yunus (2023) menyatakan bahawa kaunseling adalah proses yang berprosedur. Sehubungan itu, sesi kaunseling berkesan perlu melalui tahap-tahap dalam perkembangan prosesnya dan tahap terakhir bagi proses kaunseling ialah '*do-follow up*' bertujuan memastikan segala tindakan dilaksanakan sebagai unsur penggerak kepada klien. Komponen program susulan dalam model pembangunan jati diri remaja delinkuen menurut perspektif Islam ini penting untuk membantu pembinaan dan pembangunan jati diri remaja delinkuen agar mereka sentiasa mendapat motivasi dan sokongan untuk terus berubah ke arah yang lebih baik.

Komponen utama seterusnya bagi model pembangunan jati diri remaja delinkuen menurut perspektif Islam ialah set induksi. Set induksi adalah teknik memperkenalkan sesuatu topik perbincangan atau tajuk pelajaran bagi menarik perhatian serta mendorong pelajar (Sherly, Sandy et. al 2021; Sofiah Mohamed & Kamarul Azmi Jasmi, 2021). Jasmi & Tamuri (2007) menyatakan bahawa induksi set adalah permulaan atau pengenalan sesuatu sesuatu proses pengajaran. Menurut Othman & Kassim (2016) set induksi sangat penting kerana pada peringkat ini guru menyampaikan idea dan menanamkan ke dalam fikiran pelajar bahan-bahan pengajaran yang hendak disampaikan. Ini selaras dengan kajian Ishak, Tamuri, Abdul Majid, & Bari (2012) yang mengemukakan beberapa amalan set induksi yang dilaksanakan oleh guru, iaitu menggunakan kaedah bersoal jawab, perbincangan tajuk, mengaitkan pelajaran lepas dan memastikan murid bersedia terlebih dahulu. Kajian Mohamed dan Jasmi (2021) menunjukkan empat elemen utama dalam amalan pelaksanaan set induksi oleh guru dalam bilik darjah yang bersesuaian dengan murid prasekolah ialah menstruktur, perkaitan kognitif, mewujudkan motivasi, dan menarik perhatian. Oleh yang demikian, berdasarkan kajian-kajian yang lepas pelaksanaan amalan set induksi adalah berkesan dan menunjukkan hasil yang positif serta baik agar menyumbang terhadap perubahan, perkembangan serta peningkatan jati diri seseorang individu sama ada dalam kalangan pelajar ataupun remaja. Menurut Ibrahim, Mansor, & Md Yusoff (2020), program intervensi berbentuk pemulihan penting diwujudkan bagi membantu remaja yang terjebak dengan tingkah laku anti sosial untuk memulihkan fizikal dan spiritual mereka. Dapatkan ini turut selari dengan kajian Mazlan et al. (2022) yang mengemukakan intervensi psikoterapi Islam sebagai alternatif rawatan yang berupaya membangun jati diri mukmin.

## KESIMPULAN

Model yang dibangunkan dalam fasa pembangunan model telah dinilai kebolehgunaan komponen utama dan keseluruhan kandungan model oleh kumpulan pengguna menerusi teknik kumpulan nominal ubahsuai. Hasil penilaian menunjukkan tahap kebolehgunaan model yang dibangunkan adalah sesuai untuk digunakan dalam pembangunan jati diri remaja delinkuen menurut perspektif Islam sekaligus menjawab persoalan kajian yang

dikemukakan. Model pembangunan jati diri remaja delinkuen menurut perspektif Islam boleh dijadikan panduan kepada ibu bapa dan pihak-pihak yang terlibat dalam usaha pemulihan akhlak remaja khususnya dan masyarakat amnya.

## PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) 2020. No. Geran: FRGS/1/2020/SS10/KUIS/01/1, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertajuk ‘Pembentukan Model Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen di Malaysia Menurut Perspektif Islam.

## SUMBANGAN PENGARANG

Artikel ini adalah hasil sumbangan saintifik yang signifikan dalam penyelidikan yang dilakukan oleh lima pengarang termasuk dalam konsep dan reka bentuk artikel penyelidikan, Mariam Abd Majid dan Aisyah Humairak Abd Rahman; metodologi, Mariam Abd. Majid dan Zainab Ismail; analisis dan tafsiran data penyelidikan, Iman Abdul Rahman Mahmud Abu Syariah dan Abur Hamdi Usman; penulis yang membuat sumbangan bermakna kepada penyusunan data, penulisan-penyediaan draf asal, penulisan - semakan dan penyuntingan, penyiapan, dan penyuntingan akhir, Mariam Abd Majid dan Aisyah Humairak Abd Rahman.

## RUJUKAN

- Andrianto, A., & Alimron, A. 2019. Faktor-Faktor Penyebab Kenakalan Remaja di Lebak Mulyo Kecamatan Kemuning Kota Palembang. *Jurnal PAI Raden Fatah*, 1(1), 82-104. <https://doi.org/https://doi.org/10.19109/pairf.v1i1.3019>
- Aizzat Mohd. Nasurdin, Intan Osman & Zainal Ariffin Ahmad. 2006. *Pengantar Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Azhar Jaafar @ Ramli, Syafrimen Syafril, Faisal, Engkizar, Fuady Anwar & Rosniati Hakim. 2019. Impacts of Globalization on Adolescents' Behavior in Malaysia. *ISLAMIYYAT* 41(2): 3 – 8
- Célia Barreto Carvalho, Ana Moura Arroz1, Raquel Martins, Rodrigo Costa, Filipa Cordeiro & Joana Moura Cabra. 2023. “Help Me Control My Impulses!”: Adolescent Impulsivity and Its Negative Individual, Family, Peer, and Community Explanatory Factors. *Journal of Youth and Adolescence* 52:2545–2558

- Dahamat Azam, M. N., Mansor, M., & Yaacob, S. N. 2012. Kecerdasan Spiritual Dan Cara Gaya Kepimpinan Dalam Kalangan Pemimpin Remaja di Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies* 7(7): 10-22.
- Deslandes, S.F, Mendes, C.H.F, Pires, T.O & Campos, D.S. 2010. Use of The Nominal Group Technique and The Delphi Method To Draw Up Evaluation Indicators For Strategies To Deal With Violence Against Children And Adolescent In Brazil, Rev. Bras. Saude Matern. Infant, Recife, 10 (1): 29-37.
- Dobbie, A., Rhodes, M., Tysinger, JW. & Freeman, J. 2004. Using a modified nominal group technique as a curriculum evaluation tool. *Family Medicine* 36(6): 402-406.
- Gaohui Zhu, Kai Chen, Chen Ling, Peiting Zhao & Liya Guo. 2023. The Impact of physical activity on cognitive function in children and adolescents with intellectual disabilities: A meta-analysis. *International Journal of Human Movement and Sports Sciences* 11(6): 1253-1265.
- Hashim, C. N. 2011. Keruntuhan Akhlak Masyarakat: Punca-Punca dan Cara Penyelesaiannya, Seminar Pemantapan Akhlak dan Moral Masyarakat Malaysia, Anjuran Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ibrahim, N., Mansor, N. H., & Md Yusoff, Y. 2020. Bentuk-bentuk pemulihan akhlak bagi pesalah seks di Malaysia: Suatu sorotan literatur: classifications of moral rehabilitation for sex offenders in Malaysia: A Literature Review. *Jurnal Usuluddin* 48(2): 1–23. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol48no2.1>
- Ibrahim, F. 2009. Dadah dan pembangunan belia: antara cabaran dan peranan. Dlm. *Belia dan Pembangunan Modal Insan*, disunting oleh Nobaya Ahmad dan Haslinda Abdullah. Penerbit UPM, Serdang Selangor.
- Ishak, H., Tamuri, Ab. H., Abdul Majid, R., & Bari, S. 2012. Amalan pengajaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan islam di sekolah kebangsaan pendidikan khas (masalah pendengaran). *Journal of Islamic and Arabic Education* 4(2): 11-24.
- Jasmi, K. A., & Tamuri, A. H. 2007. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Jones, H. & Twiss, B. L. 1978. *Forecasting Technology for Planning Decisions*. New York, NY: MacMillan.
- Kamaluddin, M. R., Selamat, M. N., & Othman, A. 2021. *Delinkuensi Remaja Isu, Intervensi & Pemulihan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kaufmann, A., & Gupta, M. M. 1988. *Fuzzy Mathematical Models in Engineering and Management Science*. New York, NY: Elsevier Science Inc.
- Khairul Hamimah & Nurul Husna. 2019. Kesediaan remaja hamil luar nikah terhadap program kerohanian di pusat perlindungan wanita. *ISLAMIYYAT* 41(1): 59 – 68.
- Mansor, N. H., Mohammad Jodi, K. H., Abdul Kadir, F. A., & Abdullah, R. 2016. Implementasi ibadah Islam sebagai terapi salah seksual remaja: Kajian terhadap pusat perlindungan wanita terpilih di Selangor. *International Journal of The Malay World & Civilization* 4(1): 73-84. <http://dx.doi.org/10.17576/IMAN-2016-0401-07>.
- Melanie J. Zimmer-Gembeck, Ellen A. Skinner, Riley A. Scott, Katherine M. Ryan, Tanya Hawes, Alex A. Gardner & Amanda L. Duffy. 2023. Parental support and adolescents' coping with academic stressors: A longitudinal study of parents' influence beyond academic pressure and achievement. *Journal of Youth and Adolescence* 52: 2464–2479.
- Mat Daud, H., Yussuf, A., & Abdul Kadir, F. A. A. 2020. Pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar melalui pembelajaran sosial menurut perspektif Islam. *e-BANGI* 17(9): 75-89.
- Mat Noh, N., Siraj, S., Halili, S. H., Mohd Jamil, M. R., & Husin, Z. 2019. Aplikasi teknik fuzzy delphi terhadap keperluan elemen teknologi sebagai wadah dalam pembelajaran berdasarkan pemikiran reka bentuk. *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 34: 129-151. <https://doi.org/10.21315/apjee2019.34.7>.
- Mat Tuah, A. H., Stapa, Z., & Munawar, A. 2012. Memperkasakan jati diri Melayu-Muslim menerusi pendidikan Islam dalam pengajaran akhlak. *Jurnal Hadhari* (Special Edition): 23-35.
- Mazlan Ibrahim, Abur Hamdi Usman dan Muhammad Fakhru Razi Shahabudin 2019. Psikoterapi al-Ghazālī: Kajian terhadap Maqāmāt dalam Kitab Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn. *ISLAMIYYAT* 44 (Isu Khas): 85 – 95.
- Md Sham, F., Hamjah, S. H., & Sharifudin, M. J. 2013. *Personaliti dari Perspektif Al-Ghazali*. Bangi: Penerbit UKM.
- Milano, M. & Ullius, D. 1998. *Designing Powerful Training, The Sequential-Iterative Model*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Mohd Jamil, M. R. & Mat Noh, N. 2020. *Kepelbagaian Metodologi dalam Penyelidikan Reka Bentuk Dan Pembangunan*. Selangor: Qaisar Prestige Resources.
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Saedah Siraj, Zaharah Hussin, Nurul Rabiah Mat Noh, & Ahmad Arifin Sapar. 2017. *Pengenalan Asas Kaedah Fuzzy Delphi Dalam Penyelidikan Reka Bentuk Dan Pembangunan*. Minda Intelek Agency.
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil. 2016. Model Kurikulum Latihan SkiVes Bagi Program Pengajian Kejuruteraan Pembelajaran Berasaskan Kerja (WBL) Politeknik Malaysia. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Ridhuan, M.J., Nurulrabihah, M.N. 2020. *Kepelbagaian Metodologi Dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan*. Selangor: Malaysia.

- Mohamed, S., & Jasmi, K. A. 2021. Amalan induksi set dalam pengajaran dan pembelajaran guru prasekolah bagi disiplin ilmu pendidikan Islam. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 8(2):67–77. <https://doi.org/10.11113/umran2021.8n2.459>.
- Mohammad Jodi, K. H. 2018. Nilai-nilai dalam program pemulihan dan rawatan dadah di pengasih. *ISLAMIYYAT* 40(2): 141-149.
- Munjiat, S. M. 2018. Peran agama Islam dalam pembentukan pendidikan karakter usia remaja. *Al-Tarbawi Al-Haditsah: Jurnal Pendidikan Islam* 3(1). <http://dx.doi.org/10.24235/tarbawi.v3i1.2954>
- Norfarahi Zulkifli, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Abdul Razak. 2023. Aplikasi teknik modified NGT dalam penilaian model pengajaran kreatif pensyarah pendidikan Islam politeknik. *Asian People Journal* 6(2): 47-59.
- Othman, M. S. & Kassim, A. Y. 2019. Pelaksanaan Komposisi Pengajaran Guru Pendidikan Islam Yang Mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Bidang Akidah Sekolah Rendah Di Malaysia. Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan.
- Paad, N. S., Muhsin, S. B. S., & Abidin, M. S. Z. 2021. Implementasi psikospiritual Islam dalam pembentukan model motivasi pembangunan diri remaja. Afkar: *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 23(2): 405-444. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol23no2.11>.
- Premalatha Thiagarajan dan Mohammad Khairi Mokthar 2022. Self-rehabilitation through dance: An ethnographic study on candy girls breast cancer survivor group in Kuala Lumpur, Malaysia. *Kajian Malaysia* 40(1): 39–58.
- Rahmawati, E. N., & Roesminingsih, M. V. 2021. Proses rehabilitasi pada panti sosial bina remaja Taruna Jaya 1 Tebet Jakarta Selatan. *JPUS: Jurnal Pendidikan Untuk Semua* 5(1): 1-11. Retrieved from <https://journal.unesa.ac.id/index.php/jpls/article/view/13019>.
- Rathakrishnan, B. 2011. Devian Sosial. Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Sofiah Mohameda & Kamarul Azmi Jasmi. 2021. Amalan induksi set dalam pengajaran dan pembelajaran guru prasekolah bagi disiplin ilmu Pendidikan Islam. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 8(2): 67- 77
- Shah Rizul Izyan Zulkiply. 2021. Model pengajaran Al-Quran untuk warga tua. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Sharif, Z., & Mohamad Roslan, N. 2011. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling* 1(7): 115-140.
- Shahril Nizam Zulkipli, Ishak Sulaiman, Mohd Syukri Zainal Abidin, Norazmi Anas & Wan Kamal Nadzif Wan Jamil. 2023. Psikoterapi nabawi sebagai rawatan komplimentari kejiwaan dalam menangani isu kesihatan mental. *ISLAMIYYAT* 45(1): 195 – 213.
- Sherly, Sandy, Norfaizah Abd Jobar, Nur Farahkhanna Mohd Rusli & Nur Faaiyah Md Adam. 2021. Tinjauan pengetahuan, faktor dan kesan pelaksanaan set induksi dalam kalangan mahasiswa terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *ASIAN PENDIDIKAN* 2(1): 9–18.
- Syahadat, Y. M. 2019. Perilaku Khas Kenakalan Remaja (Juvenile Delinquency) Pada Siswa Sekolah Menengah Atas. *Jurnal Kesihatan Mercusuar*, 2(2): 22-28. Retrieved from <http://jurnal.mercubaktijaya.ac.id/index.php/mercusuar/article/download/53/25>.
- Sudi, S., Md Sham, F., & Yama, P. 2018. Pembentukan spiritual menurut islam sebagai solusi dalam menangani permasalahan sosial. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)* 5(2): 269-278.
- Suzanne R. C. de Jong, Barbara J. Van den Hoofdakker, Lianne van der VeenMulders, Betty Veenman, Jos W. R. Twisk, Jaap Oosterlaan & Marjolein Luman. 2022. The efficacy of a selfhelp parenting program for parents of children with externalizing behavior: A randomized controlled trial. *European Child & Adolescent Psychiatry* 32: 2031–2042 <https://doi.org/10.1007/s00787-022-02028-0>. externalizing behavior a randomized controlled trial.pdf.
- Sulaiman, A., Noh, N. C., & Jamsari, E. A. 2020. Jati Diri Kanak-Kanak Melayu-Islam Menerusi Pendidikan Awal: Malay-Muslim Children Identity through Early Education. *Sains Insani*, 5(2): 98-106. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol5no2.156>.
- Yahya, S. A., & Nasrun, S. 2016. Tahap Penghayatan Agama Dalam Kalangan Remaja Hamil Tanpa Nikah. *Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal of Social Sciences*, 1(1): 17-35. Retrieved from <http://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JSS/article/view/49>.
- Yunus, A. R. 2023. Asas Kaunseling. Retrieved from Academia: [https://www.academia.edu/36439923/ASAS\\_KAUNSELING\\_ALL.pdf](https://www.academia.edu/36439923/ASAS_KAUNSELING_ALL.pdf).
- Z. Mack and S. Sharples. 2009. The Importance Of Usability In Product Choice: A Mobile Phone Case Study, *Ergonomics*, 52(12): 1514-1528.
- Zainal, K. 2014. *Pengurusan Disiplin Pelajar Sekolah*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zuraimy Noraini Ismail dan Khadher Ahmad. 2023. Managing mental health problem among domestic violence victims in Selangor using the theory of hisbah and Al-Ghazali approach. *ISLAMIYYAT* 45 (Isu Khas): 93 – 101.
- Zamn Turki Hashem, Rana Hussein Abdel-Sada dan Ayman Hani Al-Jubouri. 2023. The effect of sports digital communication on the most important emotional determinants and some female students' volleyball skills. *Psychology And Education* 60(2): 137-149.